



NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA

IKMa/BIL.04/2026

(1)

**PEROLEHAN KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN
DEWAN ABDUL AZIZ ISHAK (AAI) DI IBU
PEJABAT INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
(IKMa), 103 JALAN TEMPLER,
46700 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN**

Notis Tawaran Sebutharga : IKMa/BIL.04/2026



**Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
Agensi Di Bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi
(KUSKOP)**

**KENYATAAN
SEBUT HARGA**

Nombor Sebut Harga	:	IKMa/BIL.04/2026		
Butiran-Butiran Sebutharga	:	Perolehan Kerja-Kerja Pengubahsuaian Dewan Abdul Aziz Ishak (AAI) Di Ibu Pejabat Institut Koperasi Malaysia (IKMa), 103 Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan		
Kelayakan Penyebutharga	:	i - Kontraktor Bumiputera - Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) ii - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) iii - Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) a) Kelas G3 b) Kategori : B & ME c) Pengkhususan : i .B28 – Kerja-kerja Ubahsuai, atau ii.B04 – Kerja-kerja Pembinaan Bangunan, dan iii.E11 – Kerja-kerja Am Elektrik, dan iv.M15 – Kelengkapan Mekanikal Pelbagai		
Tarikh Dan Waktu Dokumen Dieder	:	16 Mac 2026 (Isnin)		
Butir-Butir Taklimat Sebutharga Dan Tapak	:	Tarikh	:	30 Mac 2026 (Isnin)
		Masa	:	10.00 Pagi
		Tempat Berkumpul	:	Bilik Mesyuarat Seroja, Blok C, IKMa Petaling Jaya
		*Kehadiran ke Taklimat dan Lawatan Tapak adalah diwajibkan		
Tarikh Dan Waktu Tawaran Ditutup	:	14 April 2026 (Selasa) Waktu Jam 12.00 Tengah Hari		

Notis Tawaran Sebutharga : IKMa/BIL.04/2026

Nota:

1. Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Institut Koperasi Malaysia (IKMa) www.ikma.edu.my mulai 16 Mac 2026 (Isnin).
2. Setiap dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat saiz A3 atau A4 dan **wajib** menulis di sudut atas kiri muka hadapan sampul surat tersebut dengan nombor sebutharga.
3. Dokumen sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di:-

Peti Sebut Harga

Tingkat 1, Depan Unit Kewangan Dan Perolehan (UKP),
Institut Koperasi Malaysia (IKMa),
103,Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

4. Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dan tidak lengkap **tidak akan dipertimbangkan**.
5. Kerajaan adalah tidak terikat menerima Sebut Harga terendah atau mana-mana Sebut Harga.
6. Sebarang pertanyaan berkaitan perolehan ini sila hubungi:

Nama Pegawai	Unit/Zon/Cawangan	No Telefon
Encik Muhd Nursharul Azri Bin Mubarak	Unit Penyenggaraan Dan Kejuruteraan	03-79649000 Ext:101

(2)

LAMPIRAN Q

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

No. Sebut Harga **IKMa/BIL.05/2026**

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat):

.....
.....

No. Telefon:
No. Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia :

.....
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini:

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh
Kementerian/Jabatan :
Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
103 Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

No. telefon: **03-79649000**
Tarikh: **16 Mac 2026 (Isnin)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan berdasarkan spesifikasi sebut harga.
 - 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki
 - 1.3 Arahan pengiriman **Dokumen Serahan Tangan Sahaja**
 - 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **IKMa/BIL.05/2026**
 - 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 Tengah Hari Pada 14 April 2026 (Selasa)**
 - 1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: **16 Mac 2026 (Isnin)**


SHAMSURI BIN SALLEH
Pegawai Kewangan Dan Pembangunan
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-7964 9170 Fax: 03-7957 0434

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
IKMa/BIL.04 /2026	Perolehan Kerja-Kerja Pengubahsuaian Dewan Abdul Aziz Ishak (AAI) Di Ibu Pejabat Institut Koperasi Malaysia (IKMa), 103 Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan			HARGA BERSIH TERMASUK CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (SST)	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih termasuk cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) ; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah.....

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan:

Penyebut Harga:

Tarikh:.....

Nama dan K/P:

Alamat Syarikat:

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut normal perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

(3)
SURAT AKUAN PEMBIDA
-LAMPIRAN F-

SURAT AKUAN PEMBIDA

**Perolehan Kerja-Kerja Pengubahsuaian Dewan Abdul Aziz Ishak (AAI) Di Ibu Pejabat
Institut Koperasi Malaysia (IKMa), 103 Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan**

SEBUT HARGA: IKMa/BIL.04/2026

1. Saya,.....(Nama Wakil Syarikat), No.Kad Pengenal.....mewakili..... (NamaSyarikat) nombor pendaftaran.....(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i)dalam surat akuan ini;atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk memenuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya falam bahawa syarikat melakukann kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat**memberikan,menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau feadah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

(4)

**SENARAI SEMAK DOKUMEN
SEBUT HARGA**

(WAJIB HANTAR DOKUMEN BERKAITAN)



**SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

SILA TANDAKAN BAGI ☐ / ☐ DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan Malaysia (masih tempoh sah laku) (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia (masih tempoh sah laku) (Bekalan /Perkhidmatan)		
3.	Salinan Kod Bidang Seperti di bawah (masih tempoh sah laku)		
	Kontraktor Bumiputera ➤ Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)		
	Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)		
	Berdaftar Dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)		
	Kelas G3 Kategori : B & ME Pengkhususan : B28 – Kerja-kerja Ubahsuai, atau B04 – Kerja-kerja Pembinaan Bangunan, dan E11 – Kerja-kerja Am Elektrik, dan M15 – Kelengkapan Mekanikal Pelbagai		
4.	Salinan No.Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang Sah Dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) (jika berkaitan)		
5.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
6.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)		
7.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)		

8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi (3) Bulan terakhir yang telah dicop sebagai pengesahan oleh pihak bank sahaja		
9.	Salinan SSM dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (masih tempoh sah laku)		
10.	Salinan Pengalaman Syarikat Berkaitan Perolehan Tersebut		
11.	Salinan Profail Syarikat		
12.	Lain-Lain Sekiranya Ada		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :	Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada) Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :

(5)

**DOKUMEN
SEBUTHARGA/SPESIFIKASI/JADUAL
TAWARAN HARGA**



DOKUMEN SEBUTHARGA

**KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN DEWAN
ABDUL AZIZ ISHAK (AAI) DI
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa),
JALAN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR
DARUL EHSAN.**

DISEDIAKAN OLEH:
UNIT PENYENGGARAAN DAN KEJURUTERAAN
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA,
103, JALAN TEMPLER,
40670 PETALING JAYA,
SELANGOR D.E.

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA

Kerja-kerja di dalam sebutharga ini ialah untuk **Kerja-Kerja Pengubahsuaian Dewan Abdul Aziz Ishak (AAI) Di Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Jln Templer, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan** milik Institut Koperasi Malaysia (IKMa).

1. Tawaran terbuka kepada Kontraktor mengikut syarat di bawah:-
 - i. Kontraktor Bumiputera
- Berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**
 - ii. **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**
 - iii. Berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**
 - a) **Kelas G3**
 - b) **Kategori : B & ME**
 - c) **Pengkhususan :**
 - i. B28 – Kerja-kerja Ubahsuai, atau
 - ii. B04 – Kerja-kerja Pembinaan Bangunan, dan
 - iii. E11 – Kerja-kerja Am Elektrik, dan
 - iv. M15 – Kelengkapan Mekanikal Pelbagai.
2. Sebutharga ini termasuk kerja-kerja penyediaan peralatan, tenaga kerja mahir dan mencukupi serta perkara-perkara yang berkaitan.
3. IKMa tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau sebarang sebutharga tanpa perlu memberi sebab penolakan. Keputusan IKMa adalah muktamad.
4. Kontraktor adalah bertanggungjawab ke atas segala kerugian, kerosakan atau kecacatan yang disebabkan oleh kelalaian pihak kontraktor itu sendiri.
5. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.
6. **Penyataan Cukai Perkhidmatan (SST)**
 - i. Petender hendaklah mengambil kira elemen **Cukai Perkhidmatan (SST)** sekiranya berkaitan di dalam harga tawaran mereka.
 - ii. Harga Kontrak yang ditawarkan adalah dianggap sebagai **Harga Muktamad** yang merangkumi semua kos kerja, bahan, keuntungan, dan cukai.
 - iii. Kontraktor yang berjaya wajib mengemukakan **Salinan Sijil Pendaftaran SST** daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebagai bukti kelayakan untuk menuntut cukai tersebut. Sekiranya kontraktor tidak berdaftar dengan JKDM, elemen cukai tersebut tidak boleh dituntut daripada pihak Jabatan.
7. Kontraktor dikehendaki mengadakan satu lawatan tapak ke tempat berkenaan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas.
8. Sebutharga yang telah siap diisi/disempurnakan hendaklah dihantar ke alamat yang diberikan pada atau sebelum tarikh yang telah dinyatakan.

9. Kontraktor yang berjaya dikehendaki **menghubungi pihak IKMa terlebih dahulu** sebelum menjalankan kerja-kerja tersebut.
10. Pihak Kontraktor hendaklah menyertakan bersama salinan penyata bank, profail syarikat yang lengkap dan katalog bahan yang berkaitan.

Jumlah (Ringgit Malaysia) :

Nama Dan Cop :
Kontraktor :
:
:

Denda Kelewatan : RM200.00 / hari

Tempoh Kerja : hari / minggu
(potong yang tidak berkenaan)

Tarikh Lawatan Tapak : 30 Mac 2026

Bertempat : Bilik Mesyuarat Seroja, Blok C, IKMa Petaling Jaya

Masa Taklimat/Lawatan Tapak : 10.00 Pagi

Tarikh Tutup Sebutharga : 14 April 2026 (Selasa)

Masa : Pada atau **sebelum 12.00 tengahari**

Tempat : Peti sebutharga,
Tingkat 1, Depan Unit Kewangan Dan Perolehan (UKP),
Ibu Pejabat Institut Koperasi Malaysia,
103, Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Sebutharga dikeluarkan oleh,

Unit Penyenggaraan Dan Kejuruteraan
Institut Koperasi Malaysia (IKMa)

PERKARA	KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN DEWAN ABDUL AZIZ ISHAK (AAI) DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, JLN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.
----------------	---

[JADUAL RINGKASAN HARGA]

BIL	PERIHAL KERJA	JUMLAH
1	BAHAGIAN A - Kerja-kerja Awalan	RM
2	BAHAGIAN B - Kerja-kerja Sivil	RM
3	BAHAGIAN C - Kerja-kerja Mekanikal & Elektrikal	RM
4	KERJA-KERJA TAMBAHAN Penyediaan peruntukan bagi kerja-kerja tambahan yang perlu dilaksanakan sepanjang tempoh kerja pengubahsuaian. Kerja-kerja adalah tertakluk kepada arahan dan kelulusan Pegawai Penguasa.	RM40,000.00

JUMLAH KESELURUHAN HARGA TAWARAN	RM
CAJ PERKHIDMATAN SST 6% (JIKA ADA)	RM
JUMLAH KESELURUHAN HARGA TAWARAN TERMASUK CAJ PERKHIDMATAN SST 6% (JIKA ADA)	RM

PERKARA	KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN DEWAN ABDUL AZIZ ISHAK (AAI) DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, JLN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.
----------------	---

[BAHAGIAN A – KERJA-KERJA AWALAN]

BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
1.0	KERJA-KERJA AWALAN			
1.1	Kehendak kerja-kerja permulaan sebagai mana yang ditetapkan dalam kerja-kerja IKMa, antaranya:- a) Penyediaan perancangan dan jadual kerja; b) Penyediaan tenaga kerja, jentera, peralatan/mesin yang mencukupi; c) Penyediaan tapak bina seperti pembersihan kawasan, memancang tanda, laluan, penghadang dan jalan sementara. d) Polisi Insurans Kerja dan Liabiliti Awam; e) Gambar-gambar Pelaksanaan Kerja (sebelum, semasa dan selepas) berbentuk:- i. <i>Hardcopy</i> - 3 salinan ii. <i>Softcopy</i> - 1 unit 'Thumbdrive' yang bersaiz 32GB. f) Mengemas, membersih dan membaiki tapak apabila siap kerja termasuk penyediaan tong roro; dan g) Butiran-butiran lain, kehendak permulaan dan syarat-syarat am yang tidak disebut di atas.	Pukal	RM	RM
JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM

PERKARA	KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN DEWAN ABDUL AZIZ ISHAK (AAI) DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, JLN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.
---------	--

[BAHAGIAN B – SPESIFIKASI KERJA-KERJA SIVIL]

BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
1.1	Kerja-kerja membuka keseluruhan lekapan dinding kayu sedia ada di bahagian dalam dewan termasuk <i>aircond ducting</i> dan dibuang keluar daripada IKMa ke tapak pelupusan sampah yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).	Pukal	RM	RM
1.2	Kerja-kerja membuka pintu kayu solid (2 daun) termasuk kerangka pintu dan dibuang keluar dari kawasan IKMa ke tapak pelupusan sampah yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).	9 unit	RM	RM
1.3	Kerja-kerja membuka lapisan lantai <i>sport flooring</i> sedia ada di dalam Dewan AAI dan dibuang keluar dari kawasan IKMa ke tapak pelupusan sampah yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	228m ²	RM	RM
1.4	Kerja-kerja membuka keseluruhan lekapan dinding aluminium sedia ada di bahagian hadapan pintu masuk Dewan AAI termasuk kerangka yang berkaitan, dibuang keluar dari kawasan IKMa ke tapak pelupusan sampah yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).	Pukal	RM	RM
1.5	Kerja-kerja membuka Jubin lantai sedia ada di hadapan Dewan AAI dan ruang bilik VIP/holding room termasuk kerja-kerja mengaras ketinggian lantai supaya seragam bagi persediaan pemasangan jubin baharu.	60m ²	RM	RM
2.0	KERJA-KERJA PEMASANGAN DINDING			
A - JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM

BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
2.1	Kerja-kerja membekal dan memasang dinding akustik panel pada keseluruhan dinding bahagian dalam Dewan AAI lengkap dengan aksesori pemasangan dan kemas mengikut arahan pemasangan daripada pihak pengeluar hingga siap sempurna. *Rujuk rekabentuk yang disediakan	343m ²	RM	RM
2.2	Kerja-kerja membekal dan memasang in door wood plastic composite wall panel (WPC Fluted) dibahagian bawah dinding hingga ketinggian 3 kaki dan pada keseluruhan tiang lengkap dengan aksesori pemasangan yang berkaitan hingga siap sempurna seperti arahan daripada pihak pengeluar.	38m ²	RM	RM
2.3	Kerja-kerja membekal dan memasang dinding cement board separa cermin (gelap) pada bahagian dalam di bilik PA sistem lengkap dengan dengan kerangka termasuk siling daripada material yang sama hingga siap sempurna. * Ukuran 5' (lebar) x 10' (panjang) x 10' (tinggi) lengkap dengan kerangka termasuk siling untuk bilik PA Sistem. * Ukuran cermin kaca : 9' (panjang) x 3' (tinggi).	12m ²	RM	RM
2.4	Kerja-kerja membekal dan memasang dinding bata tanah liat yang tahan api 225mm tebal dan termasuk kerja-kerja lepaan simen pada kedua-dua bahagian dinding pada ruangan pintu (2 daun) yang telah dibuka hingga siap sempurna. * Ukuran : 6' (lebar) x 7' (tinggi)	22m ²	RM	RM
3.0	KERJA-KERJA PEMASANGAN PINTU			
B – JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM

BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
3.1	Kerja-kerja membekal dan memasang pintu kalis api (fire door) 1 jam termasuk kerangka pintu logam dan aksesori yang berkaitan seperti <i>door handle</i> , <i>door closer</i> , engsel, <i>smoke/acoustic seal</i> dan lain-lain mengikut arahan pemasangan daripada pihak pengeluar hingga siap sempurna (<i>double leaf</i>).	4 set	RM	RM
3.2	Kerja-kerja membekal dan memasang pintu panel kaca kerangka aluminium (coating) berukuran 900mm x 2100mm lengkap dengan <i>floor hinges</i> , engsel, <i>door closer</i> , <i>door handle</i> , kunci dan lain-lain yang berkaitan seperti arahan pengeluar hingga siap sempurna di bilik PA Sistem	1 set	RM	RM
4.0	KERJA-KERJA PEMASANGAN LANTAI			
4.1	Kerja-kerja membekal dan memasang 1820mm (W) x 9m (L) x 4.5mm (T) Arena Fit Vinyl Sheet “INOVAR ARENA FIT” atau seumpama dengannya, dilengkapi ciri anti bakteria dan antivirus, permukaan bersalut UV yang sangat tahan lasak, <i>heavy duty</i> serta tidak memerlukan penyelenggaraan wax. Pemasangan mengikut corak dengan pemotongan di tapak (<i>in-situ cutting</i>) dan sambungan kimpalan haba menggunakan rod sepadan, serta dipasang menggunakan pelekat sepenuhnya mengikut spesifikasi pengeluar.	228m ²	RM	RM
4.2	Kerja-kerja membekal dan memasang sebatian <i>screed</i> merata sendiri (<i>Self-Leveling Compound</i>) setebal sehingga 3mm. (Sebatian konkrit merata sendiri digunakan untuk menghasilkan permukaan yang rata dan licin, dengan kekuatan mampatan yang setara atau lebih tinggi berbanding konkrit tradisional, sebelum pemasangan kemas lantai).	228m ²	RM	RM
4.3	<i>Skirting composite polymer</i> 95mm (tinggi) x 15mm (tebal) dengan kemas balutan foil.	68m ²	RM	RM
C – JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM

BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
4.4	Profil PVC tambahan – di Jubin dan peralihan lantai / antara papan lantai dan Jubin	15m ²	RM	RM
4.5	Profil aluminium – di jubin peralihan lantai / antara papan lantai dan Jubin.	Pukal	RM	RM
4.6	Kerja-kerja menanda garisan <i>court</i> badminton	1 set	RM	RM
5.0	KERJA-KERJA MEMASANG SILING AKUSTIK			
5.1	Kerja-kerja membuka siling sedia ada serta membekal dan memasang 12mm kepingan siling akustik gentian mineral pada lokasi yang sama berukuran 2' x 3'.	52 unit	RM	RM
5.2	Kerja-kerja membekal hiasan siling diperbuat daripada fabrik berketebalan 280gsm dan digantung menggunakan dawai aluminium pada struktur bumbung sedia ada termasuk aksesori berkaitan sehingga siap sempurna. Ukuran hiasan siling : 1 siling berukuran 10' (P) X 18' (L) - (13 unit)	217m ²	RM	RM
6.0	KERJA-KERJA MEMBINA BILIK VIP / HOLDING ROOM Kerja-kerja mereka bentuk dan membina bilik VIP / <i>holding room</i> bersebelahan Dewan Abdul Aziz Ishak (AAI) hingga siap sempurna berkeluasan 17' x 31' mengikut spesifikasi seperti berikut:- * Rujuk reka bentuk yang dilampirkan			
6.1	Dinding kaca gelap 6mm lengkap dengan kerangka aluminium hitam (coating)	23m ²	RM	RM
D – JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM

BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
6.2	Kerja-kerja membekal dan memasang pintu panel kaca tempered duadaun berukuran 1800mm (W) x 2100mm (H) x 12mm lengkap dengan dengan <i>floor hinges</i> , engsel, kunci, door handle dan lain-lain yang berkaitan seperti arahan pengeluar hingga siap sempurna di Bilik VIP .	1 set	RM	RM
6.3	Kerja-kerja membekal dan memasang sesekat kepingan cemboard berkerangka/berbingkai aluminium yang terdiri daripada bahagian atas, bawah, stiles dan belebas dari keluli tertekan tergalvani, dibalut kedua belah dengan 12mm kepingan cemboard termasuk penutup yang diperlukan, dipasang mengikut arahan pembuat. Termasuk membuat <i>bow up</i> bagi menutup <i>downpipe</i> sedia ada berukuran 6" x 9" x 9' hingga siap sempurna.	15m ²	RM	RM
6.4	Kerja-kerja membekal dan memasang bumbung PU foam metaldeck berkerangka besi C-channel saiz 2"x3", saliran air bumbung material GI tebal 1.0mm, PVC <i>downpipe</i> dan aksesori pemasangan yang berkaitan hingga siap sempurna. *Rujuk lukisan detail *Spesifikasi bumbung Tolerance Thickness of material : ± 0.03mm Effective width : ± 3mm Finishing length : ± 5mm Dimension Rib height : 25mm Effective cover : 762mm Minimum roof pitch : 3°	63m ²	RM	RM
E - JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM

BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
6.5	Kerja-kerja membekal dan memasang siling plaster <i>double layer</i> dalam ruang bilik VIP. *Rujuk lukisan detail	49m ²	RM	RM
6.6	Kerja-kerja membekal dan memasang siling PVC berwarna dan bercorak kayu di bahagian luar bilik VIP	14m ²	RM	RM
6.7	Kerja-kerja kemas lantai dan karpet jenis Nylon mengikut spesifikasi seperti berikut: Pile construction : Textured Multi-level Loop Total Weight : 4,549 g/m ² Face Yarn Type : 100% Premium Nylon Dye Method : 100% Solution Dyed Machine Gauge : 1/12 Primary Backing : Polyester Premium Fabric Secondary Backing : Phthalate Free PVC with Fibreglass Pile Thickness : 3.5mm +- 0.5 Total Thickness : 6.5mm +- 0.5 Tile Size : 50cm x 50cm	49m ²	RM	RM
6.8	Membekal dan memasangan <i>black out roller blind</i> pada keseluruhan dinding cermin.	50m ²	RM	RM
6.9	Kerja-kerja membina lantai konkrit dihadapan bilik VIP / Holding Room termasuk kerja-kerja pemasangan jubin mengikut spesifikasi seperti sedia ada berkeluasan 14' x 13' hingga siap sempurna.	17m ²	RM	RM
6.10	Kerja-kerja membekal dan memasang hiasan dinding diperbuat daripada besi hollow berukuran 2" (P) x 3" (L) x 10' (T) dan tebal 3mm termasuk kerja-kerja kemas termasuk cat hingga siap sempurna.	14 unit	RM	RM
7.0	KERJA-KERJA UBAHSUAI BAHAGIAN HADAPAN DEWAN AAI			
F - JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM

BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
	Kerja-kerja merekabentuk dan membina semula bahagian hadapan Dewan AAI sehingga siap sempurna mengikut spesifikasi seperti berikut:- * Rujuk rekabentuk yang dilampirkan			
7.1	Kerja-kerja membekal dan memasang bumbung solid polycarbonate (warna gelap) 10mm lengkap dengan kerangka bumbung besi hollow bersaiz 2" x 2" dan tebal 3mm, sistem penyambung u-profile serta membekal dan memasang <i>gutter</i> GI, PVC <i>downpipe</i> dan aksesori pemasangan yang berkaitan seperti arahan daripada pihak pengeluar hingga siap sempurna.	63m ²	RM	RM
7.2	Kerja-kerja membekal dan memasang dinding bata campuran pasir dan simen 225mm tebal termasuk kerja-kerja lepaan simen pada kedua-dua bahagian dinding.	25m ²	RM	RM
7.3	Kerja-kerja membekal dan memasang jubin non-slip homogeneous berukuran 600mm x 300mm mengikut rekabentuk yang diluluskan oleh pegawai penguasa hingga siap sempurna.	43m ²	RM	RM
7.4	Kerja-kerja membekal dan memasang hiasan dinding diperbuat daripada besi hollow berukuran 2" (P) x 3" (L) x 25' (T) dan tebal 3mm termasuk kerja-kerja kemasukan termasuk cat hingga siap sempurna.	18 unit	RM	RM
7.5	Kerja-kerja membekal dan memasang <i>celuka lattice composite</i> berukuran 19'4" x 3' ketebalan 1" hingga siap sempurna. *Rujuk lukisan detail	5.4 m ²	RM	RM
7.6	Kerja-kerja membekal dan memasang signage 3D 'DEWAN ABDUL AZIZ ISHAK' material aluminium sehingga siap sempurna. *Rujuk lukisan detail	Pukal	RM	RM
G - JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM

BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
7.7	Kerja-kerja membekal dan memasang 3D logo IKMa material aluminium bersaiz 4'8"L x 3'4"P dan dicat mengikut warna IKMa termasuk aksesori pemasangan hingga siap sempurna.	Pukal	RM	RM
8.0	LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN			
8.1	Kerja-kerja membekal dan memasang <i>lightweight portable stage</i> berukuran 12' x 16' pemasangan mengikut arahan daripada pihak pengeluar hingga siap sempurna.	18m ²	RM	RM
8.2	Membekal dan memasang 1 set meja dan kerusi mesyuarat dengan kapasiti 20 orang untuk bilik VIP / <i>Holding Room</i> .	1 set	RM	RM
8.3	Membekal dan memasang meja kayu berukuran 6' x 2' 6" untuk bilik PA sistem	1 set	RM	RM
8.4	Kerja-kerja kemas cat pada bahagian yang ditetapkan oleh pihak IKMa menggunakan cat daripada jenama Jotun atau yang seumpama dengannya.	Pukal	RM	RM
8.5	Kerja-kerja membekal dan memasang <i>tinted</i> gelap pada tingkap bahagian atas Dewan AAI hingga siap sempurna.	Pukal	RM	RM
H - JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM
JUMLAH KESELURUHAN HARGA TAWARAN (A, B, C, D, E, F, G, & H)				RM

PERKARA	KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN DEWAN ABDUL AZIZ ISHAK (AAI) DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, JLN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.
----------------	---

[SPESIFIKASI KERJA-KERJA MEKANIKAL & ELEKTRIKAL]

BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
1.0	Kerja-kerja membuka dan menyimpan peralatan M&E, memasang Condensor Aircond berkapasiti 3hp sediada lengkap dengan aksesori serta kerja-kerja berkaitan yang lain dilokasi yang akan dimaklumkan oleh Pegawai Penguasa, membuang sisa kerja keluar daripada tapak kerja dan IKMa ke tapak pelupusan sampah yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).	Pukal	RM	RM
2.0	Kerja-kerja mereka bentuk, membekal, memasang dan menguiterima sistem, pendawaian dan peralatan elektrik lengkap dengan aksesori serta kerja-kerja berkaitan yang lain, mematuhi peraturan Suruhanjaya Tenaga, SIRIM dan Pengilang: <u>Sub-Switch Board (SSB) & Sub-DB</u>			
2.1	Kerja-kerja merekabentuk, membekal, memasang, pendawaian lengkap dengan kabel perlindungan, dan mengujiterima SSB berkapasiti 63A/150A lengkap dengan aksesori dan serta kerja-kerja berkaitan yang lain. (25mm)	1 set	RM	RM
2.2	Kerja-kerja merekabentuk, membekal, memasang, pendawaian lengkap dengan kabel perlindungan, dan mengujiterima 'Control Panel' Alat Penyaman Udara dan Sub-DB untuk kegunaan peralatan M&E Dewan AAI lengkap dengan aksesori serta kerja-kerja berkaitan yang lain. (16mm)	Pukal	RM	RM
3.0	<u>Kerja-kerja Pendawaian Elektrik</u>			
A - JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM


BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
3.1	Pendawaian Unit Alat Penyaman Udara menggunakan kabel bersaiz 4mm/PVC/Single & 6mm/PVC/Single termasuk kabel perlindungan, kemasan di dalam Casing/Galvanise trunking lengkap dengan aksesori serta kerja-kerja berkaitan yang lain.	9 set	RM	RM
3.2	Pendawaian Soket Alir Keluar 13A berkembar menggunakan kabel bersaiz 2.5mm/PVC/Single termasuk kabel perlindungan, ditanam kemasan didalam Casing/Galvanise trunking lengkap dengan aksesori serta kerja-kerja berkaitan yang lain.	40 point	RM	RM
3.3	Pendawaian Point lampu untuk lampu jenis 'Spot Light, Down Light, Strip LED dan lampu kecemasan/lampu tanda arah menggunakan kabel bersaiz 2.5mm/PVC/Single termasuk kabel perlindungan, ditanam kemasan didalam Casing/Galvanise trunking lengkap dengan aksesori serta kerja-kerja berkaitan yang lain.	80 point	RM	RM
3.4	Pendawaian 'Network' menggunakan kabel jenis CAT 6E termasuk kabel perlindungan, ditanam kemasan didalam Casing/Galvanise trunking lengkap dengan aksesori serta kerja-kerja berkaitan yang lain.	4 point	RM	RM
4.0	Kerja-kerja membekal, memasang dan menguji terima lampu lengkap dengan aksesori serta kerja-kerja berkaitan yang lain, mematuhi peraturan Suruhanjaya Tenaga, SIRIM dan Pengilang			
4.1	Lampu jenis 'Strip LED' bagi keseluruhan Dewan. <i>*Sila rujuk pada Perspektif Drawing</i>	Pukal	RM	RM
4.2	Lampu jenis 'Spot Light' jenis 'High Bay' mengikut kesesuaian dewan dan luar dewan. <i>*Sila rujuk pada Perspektif Drawing</i>	12	RM	RM
B - JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM


BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
4.3	Lampu jenis 'Spot Light' jenis 'Flat Type' mengikut kesesuaian dewan dan luar dewan. *Sila rujuk pada Perspektif Drawing	30	RM	RM
4.4	Lampu jenis 'LED Downlight' bagi Bilik VIP, Bilik PA Sistem & laluan luar bangunan (Walkway)	24	RM	RM
4.5	Lampu kecemasan	3	RM	RM
4.6	Lampu Tanda KELUAR	6	RM	RM
5.0	Kerja-kerja membekal, memasang dan menguji terima alat penyaman udara jenis 'Split Unit' lengkap dengan Incoming/Outgoing kabel, Insulation, Bracket, Cooper Pipe kemasan didalam PVC/Galvanise trunking, Drain Paip ditanam kemasan didalam PVC/Galvanise Trunking, serta aksesori dan kerja-kerja lain yang berkaitan, mematuhi peraturan Suruhanjaya Tenaga, SIRIM dan Pengilang:			
5.1	Jenis : Wall Mounted Total Cooling Capacity: 9,500btu Power Sources : 220-240/1/50 Refrigerant Type: R32 Location : Bilik PA Sistem	1	RM	RM
5.2	Jenis : Ceilling Cassette Total Cooling Capacity : 23,000btu Power Sources : 220-240/1/50 Refrigerant Type : R32 Location : Bilik VIP	2	RM	RM
5.3	Jenis : Ceilling Exposed Total Cooling Capacity : 46,000btu Power Sources : 380-415/3/50 Refrigerant Type : R32 Location : Ruang Dewan	6	RM	RM
5.4	Mereka bentuk, membekal, memasang dan menguji terima dinding jenis 'Lourves Aluminium' bagi dinding untuk VRV Outdoor lengkap dengan aksesori serta kerja-kerja berkaitan yang lain.	2 lot	RM	RM
C - JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM

BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
6.0	<u>Kerja-kerja merekabentuk, pendawaian, membekal, memasang dan mengujiterima lampu pentas lengkap dengan aksesori serta kerja-kerja berkaitan yang lain, mematuhi peraturan Suruhanjaya Tenaga, SIRIM dan Pengilang :</u>			
6.1	LED PAR Light RGBW 36 x 5w (<i>Pentas</i>)	6 set	RM	RM
6.2	Warm White LED PAR 36 x 5w (<i>Pentas</i>)	4 set	RM	RM
6.3	150w RGB Moving Head Light (<i>Pentas</i>)	2 set	RM	RM
6.4	<u>LIGHTING CONTROL PANEL (<i>Pentas</i>)</u> DMX512 / 1990 standard, maximum 256 DMX control channel, optically isolated signal output. 16-channel simultaneous control of 32 fixtures. 80 one playback scenes, scenes for storing multi-step and single-step scene. Multi-step scenario can store up to 600 steps. LCD display with backlight, display in English Shutdown data retention. U-disk backup and software upgrades. Power: DC12V power adapter.	1 lot	RM	RM
7.0	Kos bagi menyediakan SLD (Single Line Diagram) bagi SSB dan SD (Schematic Drawing) bagi DB lengkap dengan pengesahan dari Orang Kompeten.	Pukal	RM	RM
D - JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM
JUMLAH KESELURUHAN HARGA TAWARAN (A, B, C & D)				RM


(6)

LUKISAN PELAN UBAHSUAI DEWAN







PELAN BUMBUNG
SKALA - 1:100




PANDANGAN HADAPAN

SKALA - 1:100







SECTION Y-Y
SKALA - 1:100




SKALA - 1:100




PELAN KEDUDUKAN SILING GANTUNG
SKALA : 1 : 100




DETAIL SILING GANTUNG
SKALA - 1:100






PANDANGAN ATAS
SKALA - 1:100



PANDANGAN HADAPAN
SKALA - 1:100



SECTION N-N
SKALA - 1:100



(7)

REKA BENTUK DEWAN



DEWAN
ABDUL AZIZ ISHAK





DEWAN
ABDUL AZIZ ISHAK











